# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS DAERAH PONTIAN, JOHOR

NORA LIZA BINTI AHMAD

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2003

1100033050

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 10 FPE 1 2003

1100033050
Laporan akhir latihan industri di Majlis Daerah Pontian, Johor / Nora Liza Ahmad.

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia
Perpustakaan

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033050

Lihat sebelah

LI
10
FPE
1
2003

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS DAERAH PONTIAN, JOHOR


**OLEH**

**NORA LIZA BINTI AHMAD**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**


Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


Jabatan Ekologi Sosial
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


**2003**


1100033050

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Nora Liza Binti Ahmad mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalan merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut

Tandatangan

**Nama: Nora Liza Binti Ahmad**

**Tarikh: 01 October 2003**

**Disahkan Oleh:**

RUZAINI SULAIMAN @ ABDUL RAHIM
Pensyarah
Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu.

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## SENARAI ISI KANDUNGAN


| Tajuk / Bab | Muka surat |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Ringkasan Eksekutif | ii |
| Senarai Rajah | vi |
| Senarai Lampiran | vii |
| Senarai Ringkasan | viii |

**BAB I: Latar Belakang Organisasi**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1.1 Sejarah Daerah Pontian | 2 |
| | 1.1.2 Sejarah Ringkas Organisasi | 4 |
| | 1.1.3 Peringkat Pentadbiran Majlis Daerah Pontian | 6 |
| | 1.1.4 Cawangan-cawangan Majlis Daerah Pontian | 7 |
| | 1.1.5 Bidang Kuasa Majlis Daerah Pontian | 9 |
| 1.2 | Maklumat Organisasi | 10 |
| | 1.2.1 Objektif Organisasi Majlis Daerah Pontian | 10 |
| | 1.2.2 Piagam Pelanggan Majlis Daerah Pontian | 11 |
| | 1.2.3 Logo Majlis Daerah Pontian | 13 |
| 1.3 | Carta Organisasi Majlis Daerah Pontian | 15 |
| 1.4 | Aktiviti Organisasi | 16 |
| | 1.4.1 Urusetia Pentadbiran | 16 |
| | 1.4.2 Unit Penilaian | 17 |
| | 1.4.3 Unit Kejuruteraan dan Pembangunan | 18 |
| | 1.4.4 Unit Kebersihan | 19 |
| | 1.4.5 Unit Perlesenan | 21 |
| | 1.4.6 Unit Kewangan | 22 |
| | 1.4.7 Unit Perundangan | 26 |
| | 1.4.8 Unit Penguatkuasaan | 27 |
| | 1.4.9 Unit Landskap | 29 |
| 1.5 | Aktiviti Sampingan Organisasi | 30 |
| 1.6 | Kemahiran Yang Dipelajari | 36 |

**BAB II: Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian**

| | | |
|---|---|---|
| 2.1 | Pengenalan | 43 |
| | 2.1.1 Sistem Sedia Ada di Urusetia Pentadbiran | 44 |
| | 2.1.2 Sistem Sedia Ada di Unit Penilaian | 48 |
| 2.2 | Rumusan | 51 |

**BAB III: Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan**

| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 52 |
| 3.2 | Rumusan Analisis dan Perbincangan | 53 |
| | 3.2.1 Analisis Kekuatan Di Majlis Daerah Pontian | |
| | 3.2.2 Analisis Kelemahan Di Majlis Daerah Pontian | 55 |
| | 3.2.3 Analisis Peluang Di Majlis Daerah Pontian | 58 |
| | 3.2.4 Analisis Ancaman Terhadap Majlis Daerah Pontian | 59 |
| 3.3 | Cadangan Penyelesaian | 61 |
| 3.4 | Implikasi Dari Cadangan | 63 |
| 3.5 | Rumusan | 67 |

**BAB IV : PENUTUP**

| | | |
|---|---|---|
| 4.1 : | Pengharapan Pelatih | 71 |

**RUJUKAN**
**LAMPIRAN**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menamatkan Latihan Industri ini dengan jayanya. Sepanjang 12 minggu menjalani latihan Industri di Majlis Daerah Pontian pelbagai ilmu berguna telah diperolehi, disamping pelbagai pengalaman baru dipelajari. Ia merupakan suatu pengalaman dan pengetahuan yang bermakna dan berguna untuk dimanfaatkan dan dijadikan panduan dalam menjalani situasi sebenar alam pekerjaan kelak. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Ruzaini bte Sulaiman selaku penyelia Latihan Industri (KUSTEM) yang juga merupakan salah seorang pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) di atas tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan laporan industri ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada para pensyarah di KUSTEM yang banyak memberi tunjuk ajar secara langsung atau tidak.

Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Setiusaha Majlis Daerah Pontian iaitu Tuan Hj. Noh bin Ibrahim kerana banyak memberi sokongan terhadap pelajar praktikal di organisasi ini. Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Junaidah bte Kamal selaku penyelia Latihan Industri di Majlis Daerah Pontian kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang saya menjalani Latihan Industri ini. Begitu juga kepada Pembantu-Pembantu Tadbir iaitu Puan Zoliah bte Kamidi, Puan Lailatul Hilaliah bte Hj. Mohd Noh, En Kamarunnizam bin Ibrahim, Puan Fahlizmi bte Juahir, Cik Yuliza bte Tamat, dan beberapa lagi kakitangan di unit Pentadbiran serta kakitangan di Majlis Daerah Pontian secara keseluruhannya. Segala tunjuk ajar yang diberikan merupakan pendorong kepada kesungguhan untuk menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya.

Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang menjalani Latihan Industri ini. Tidak dilupa juga buat teman-teman seperjuangan dan rakan-rakan praktikum yang telah terlibat secara langsung dalam menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya hanya tuhan yang dapat membalas segala jasa yang telah diberikan. Akhir sekali semoga Allah akan memberi rahmat dan mengurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada kita semua.

Sekian Terima Kasih.
Nora Liza Binti Ahmad
(UK5690)

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri merupakan salah satu cara atau pendekatan yang dususun oleh pihak universiti kepada pelajar dalam mendedahkan pelajar terhadap situasi sebenar alam pekerjaan. Oleh yang demikian, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan para pelajar dari program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial agar menjalani Latihan Industri selama 12 minggu bermula dari 10 Mac sehingga 31 Mei 2002.

Objektif Latihan Industri adalah merangkumi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang mungkin diperolehi dengan pengaplikasian program pengajian pelajar. Secara tidak langsung pelajar dapat mengaplikasian teori yang dipelajari dalam kuliah dengan suasana pekerjaan sebenar. Selain itu, objektif Latihan Industri yang dirangka oleh KUSTEM juga membolehkan pelajar menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Latihan Industri ini telah dijalankan di Majlis Daerah Pontian yang beralamat di Jalan Alsogoff, Pontian Johor Darul Ta'zim. Ditubuhkan pada 1 November 1976 dibawah akta 124 (Akta Sementara) dan kemudian diisytihar sebagai Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Berobjektif memberi kemudahan asas yang sempurna kepada penduduk dan pembangunan daerah Pontian, Majlis Daerah Pontian merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang berada di bawah pengawasan kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Mempunyai 4 cawangan Majlis Daerah dan 250 orang kakitangan. Bagi memperkukuhkan lagi mutu perkhidmatan Majlis Daerah Pontian terdapat sembilan bahagian yang bergabung dalam satu pentadbiran Majlis untuk menyelaraskan segala aktiviti pengurusan yang telah dirancang.

Sebagai salah sebuah badan pengusaha tempatan Majlis Daerah Pontian turut menghadapi permasalahan dalam menguruskan organisasinya. Antaranya masalah kekurangan penggunaan sistem pengkomputeran dan peralatan terbaru melambatkan kerja-kerja pengurusan sedia ada. Disamping masalah utama iaitu faktor kewangan yang tidak dapat menampung perbelanjaan lebih dari kehendak semasa. Dari itu beberapa cadangan dirangka oleh pelatih seperti meningkatkan kadar kutipan semasa selaras dengan pertambahan kawasan bercukai. Penggunaan peralatan dan perisian komputer terbaru agar setanding dengan badan-badan kerajaan yang lain.

Secara keseluruhanya Latihan Industri ini banyak mendedahkan pelajar tentang keadaan sebenar di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi dari Latihan Industri ini sememangnya memberikan gambaran sebenar situasi alam pekerjaan. Diharap latihan seumpama ini akan diteruskan dan diperluas skop kajiannya agar pelatih akan datang dapat memahami dan mempraktikan ilmu yang diperolehi dalam pengajian masing-masing.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH